

**Tindakan Pematuhan UPM Terhadap Ketetapan Terkini  
Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)**

**Proses Penilaian Program yang Telah Mendapat Akreditasi Penuh di Bawah  
Penilaian MQA dan PPT Berstatus Swaakreditasi untuk Memohon  
Akreditasi Semula di Bawah Penilaian Majlis Profesion Kesihatan  
Bersekutu Malaysia (MPKBM)**

[Surat Makluman MQA Bil. 10/2025 bertarikh 4 Jun 2025]

Ringkasan ketetapan

- i. Pelaksanaan tempoh peralihan bagi program yang telah mendapat Akreditasi Penuh di bawah penilaian MQA dan PPT berstatus Swaakreditasi bagi mengemukakan permohonan akreditasi semula di bawah penilaian Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu Malaysia (MPKBM) adalah ditetapkan selama lima (5) tahun bermula dari tarikh surat makluman MQA Bil.10/2025, bertarikh 4 Jun 2025. Pelaksanaan peralihan akan berkuat kuasa pada **3 Jun 2030**.
- ii. Mesyuarat MPKBM Ke-3, Bil. 1/2021 bertarikh 15 September 2021 telah memutuskan supaya proses penilaian program di bawah bidang Profesion Kesihatan Bersekutu yang sebelum ini dilaksanakan oleh MQA, kini tekah dipertanggungjawabkan kepada MPKBM. Susulan itu, MQA telah mengeluarkan pemakluman berkaitan perkara di atas melalui surat dengan nombor rujukan MQA.100-1/7/2 Jld.5 (7) bertarikh 19 Oktober 2022.
- iii. Walau bagaimanapun, PPT disarankan untuk mengemukakan permohonan akreditasi semula di bawah penilaian MPKBM dengan kadar segera tanpa perlu menunggu sehingga tempoh peralihan tamat. Langkah ini bertujuan untuk memudahkan perancangan proses penilaian semula oleh pihak MPKBM dan MQA serta mengelakkan senbarang kelewatan proses penilaian sekiranya semua permohonan dikemukakan pada saat akhir tempoh tersebut.
- iv. Maklumat berkaitan permohonan akreditasi semula program di PPT berstatus swaakreditasi yang telah mendapat Akreditasi Penuh di bawah penilaian MQA untuk dibuat penilaian semula oleh MPKBM seperti yang diterangkan di atas boleh dirujuk dan dimuat turun melalui laman web CQA di bawah modul [SWAAKREDITASI](#).

Tindakan di peringkat UPM

- v. Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan atau PTJ lain yang menawarkan program di bawah penilaian MPKBM perlu merujuk kepada ketetapan ini untuk pelaksanaan dan pematuhan tempoh peralihan seperti ketetapan terkini MPKBM dan MQA.

Disediakan oleh:  
Pusat Jaminan Kualiti (CQA)  
Pejabat Naib Canselor  
Universiti Putra Malaysia  
4 September 2025